

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	PREMIS SISA PLASTIK HARAM 9 TAHUN KENA SERBU
	SUMBER	BH (1 APRIL2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

## Premis proses sisa plastik haram 9 tahun kena serbu

**Kulim:** Sebuah premis yang menjalankan aktiviti pemprosesan sisa plastik tanpa kelulusan diserbu Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah dalam operasi bersepadu Ops Taring Alpha 5, kelmarin.

Komander Briged Utara PGA, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh, berkata operasi bermula jam 3 petang itu disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Cawangan Risik Batalion 18, Briged Utara PGA serta JAS Kedah.

Beliau berkata, operasi itu dijalankan hasil maklumat risikan berkaitan premis terbabit yang disyaki menjalankan aktiviti pemprosesan sisa plastik tanpa kelulusan pihak berkuasa.

"Berikutan itu, pihak polis berjaya menahan seorang lelaki tempatan dipercayai penjaga premis terbabit bersama enam warga asing, iaitu empat warga Bangladesh dan dua warga Nepal dipercayai pekerja di premis berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis itu memasang serta mengendalikan beberapa fasiliti pemprosesan plastik tanpa sebarang notifikasi dan kelulusan daripada pihak JAS.

"Pasukan serbuan turut menemui sejumlah besar



Mesin yang dirampas dalam operasi bersepadu Ops Taring Alpha 5 di Kulim, kelmarin.

(Foto ihsan PGA)

loggokan plastik, sama ada yang belum diproses mahupun yang siap diproses, selain beberapa mesin digunakan dalam aktiviti pemprosesan itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Balveer Singh berkata, siasatan mendapati premis itu sudah beroperasi sejak sembilan tahun lalu dengan bekalan bahan sisa plastik diperolehi dari kawasan Lembah Klang.

Katanya, fasiliti yang terdapat di dalam premis itu digunakan untuk memproses bahan plastik, manakala bijian plastik yang siap diproses kemudian dieksport ke luar negara.

"Turut dirampas pelbagai mesin yang digunakan

untuk memproses plastik, tiga buah jentera forklift yang semuanya dianggarkan bernilai lebih RM20.6 juta.

"Kes diserahkan kepada JAS Daerah Kulim untuk siasatan mengikut Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana kegagalan mengemukakan laporan mengenai kesan aktiviti pemprosesan plastik terhadap alam sekitar yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, serta denda tambahan RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas notis pematuhan disampaikan oleh Ketua Pengarah," katanya.

2.	TAJUK	9 TAHUN OPERASI TANPA LESEN
	SUMBER	BH (1 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

lokal

# 9 tahun operasi tanpa lesen

PGA, JAS serbu premis proses sisa plastik, rampas mesin lebih RM20 juta

Oleh Zulfaty Zulkaffli  
ams@bhmetro.com.my

**Kulim**

Sebuah premis yang dipercayai menjalankan aktiviti pemprosesan sisa plastik tanpa kelulusan pihak berkuasa di sini diserbu Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah dalam operasi bersepadu Op Taring Alpha 5, Ahad lalu.

Komander Briged Utara PGA Ulu Kinta, Perak, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh berkata, operasi bermula jam 3 petang itu disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Cawangan Risik Batalion 18, Briged Utara serta JAS Kedah.

Bellau berkata, operasi itu dijalankan hasil maklumat risikan berkaitan premis terbabit yang disyaki menjalankan aktiviti pemprosesan sisa plastik tanpa kelulusan pihak berkuasa.

"Berikutan itu, pihak polis berjaya menahan seorang lelaki tempatan dipercayai penjaga premis terbabit bersama enam warga asing iaitu empat warga Bangladesh dan dua warga Nepal dipercayai pekerja di premis berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis itu telah memasang serta mengendalikan beberapa fasiliti pemprosesan plastik tanpa sebarang notifikasi dan ke-



PERALATAN mesin yang dirampas dalam serbuan PGA bersama JAS Kedah di sebuah premis dalam operasi bersepadu Op Taring Alpha 5.

lulusan daripada pihak JAS.

"Pasukan serbuan turut menemui sejumlah besar bongkahan plastik, sama ada yang belum diproses mahupun yang telah siap diproses, selain beberapa mesin yang digunakan dalam aktiviti pemprosesan itu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Balveer Singh berkata, siasatan awal mendapati premis itu sudah pun beroperasi lebih daripada sembilan tahun dengan bekalan bahan sisa plastik diperolehi dari kawasan Lembah Klang.

Katanya, fasiliti yang terdapat di dalam premis itu digunakan untuk memproses bahan plastik, manakala bijian plastik yang sudah siap diproses kemudi-

annya dieksport ke luar negara.

"Lelaki tempatan yang ditahan itu berusia 35 tahun manakala empat warga Bangladesh yang ditahan itu berusia antara 22 hingga 46 tahun dan warga Nepal berusia 22 dan 23 tahun.

"Turut dirampas pelbagai mesin yang digunakan untuk memproses plastik,

tiga buah jentera forklift yang kesemuanya dianggarkan bernilai lebih RM20 juta (RM20,609,000).

"Kes diserahkan kepada JAS Daerah Kulim untuk siasatan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana kegagalan mengemukakan laporan mengenai kesan aktiviti pemprosesan plastik terhadap alam sekitar yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, serta denda tambahan RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas notis pemsatuhan disampaikan oleh Ketua Pengarah," katanya.

Balveer Singh berkata, lelaki tempatan yang ditahan itu akan disiasat mengikut Seksyen 53B Akta Imigresen 1959/63 kerana menggiatkan pendatang asing tanpa izin, yang membawa hukuman denda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara sehingga 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap pekerja yang diambil.

Enam lelaki warga Bangladesh dan Nepal itu pula akan disiasat di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 atas kesalahan melanggar syarat permit, dengan hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara sehingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

**Sungai Petani:** Sebuah premis memproses sisa plastik di kawasan Perusahaan Taman Ria Jaya, di sini diarahkan menghentikan operasi serta-merta oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah kerana beroperasi secara haram.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pemeriksaan ke atas premis dalam Op Gempur bermula jam 8.30 pagi keabarin dilakukan hasil pemantauan berterusan oleh pihak penguat kuasa JAS terhadap aktiviti industri berpotensi mencemarkan alam sekitar.

"Hasil pemeriksaan mendapati, premis terbabit menjalankan aktiviti pembersihan dan penyemprian sisa plastik yang diproses bagi menghasilkan palet plastik.

"Premis itu beroperasi

## JAS arah henti operasi serta-merta

secara tertutup sepenuhnya dipercayai bertujuan mengelakkan kegiatan mereka dikesan orang awam.

"JAS Kedah mengenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38 (1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas satu unit mesin penyempri plastik serta sistem kawalan pencemaran udara dan sistem pengolahan effluen industri yang dipercayai digunakan dalam proses pengeluaran di premis berkenaan dan tanpa kebenaran JAS," katanya.

Sharifah Zakiah berkata, siasatan lanjut turut menemui sejumlah besar bahan mentah dan produk siap di premis terbabit.

Katanya, antara yang di-

temui ialah 700 beg jumbo atau lebih kurang 350 metrik tan sisa plastik yang dipercayai digunakan sebagai bahan mentah dalam proses pembuatan.

"Selain itu, pegawai penguat kuasa turut menjumpai lebih kurang 258 metrik tan produk siap iaitu palet plastik dipetik di dalam 10,320 goni, dengan setiap goni dianggarkan seberat 25 kilogram.

"Pihak JAS turut mengambil sampel sisa plastik serta produk palet plastik dari premis berkenaan dan sampel berkenaan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk menjalani analisis makmal," katanya.

Sharifah Zakiah berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 34A (6), Akta Kua-

liti Alam Sekeliling 1974 kerana menjalankan aktiviti kitar semula sisa pepejal tanpa Kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada

Alam Sekeliling (EIA) dan Kesalahan di bawah Seksyen 34A(6), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 137).



PEGAWAI penguat kuasa JAS Kedah menampul notis menahan operasi di sebuah premis memproses sisa plastik di daerah ini yang menjalankan operasi tanpa kelulusan.

3.	TAJUK	LARANGAN MUTLAK IMPORT E-WASTE MULA BERKUAT KUASA
	SUMBER	BH (2 MAC 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

# Larangan mutlak import e-waste mula berkuat kuasa

**Kerjasama penguatkuasaan pelbagai agensi diperkukuh, kawalan diperketat**

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Pengimportan sisa elektronik atau e-waste ke negara ini, dilarang secara mutlak berkuat kuasa mulai semalam. Langkah tegas itu dilaksanakan melalui pewartaan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 3) 2026 [PU(A) 151/2026] yang diletakkan di bawah Jadual Pertama perintah berkenaan. Ketua Pengarah Kastam Ma-

laysia, Datuk Amran Ahmad, berkata pewartaan itu dibuat selaras dengan subseksyen 31(i) Akta Kastam 1967.

Beliau berkata, keputusan itu dicapai hasil Mesyuarat Pasukan Tugas Khas Hala Tuju Pengurusan Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik dan E-Waste Dalam Negara Bilangan 2 Tahun 2026.

"Langkah ini sebahagian usaha kerajaan untuk memperketat kawalan terhadap kemasukan sisa berbahaya ke dalam negara, sekali gus melindungi kelestarian alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

**Tindakan tegas, berkesan**

Mengulas lanjut, Amran berkata, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi penguatkuasaan bagi memastikan pematuhannya terhadap arahan baharu ini.

Antara agensi yang terlibat termasuklah Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian



Kawalan ketat kemasukan sisa berbahaya ke dalam negara membolehkan pelbagai agensi penguatkuasaan.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Alam (NRES) serta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).

"Tindakan tegas dan berke-

san akan diambil bagi memastikan larangan pengimportan buangan terjadual ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

"Ia juga selaras dengan komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa di bawah Konvensyen Basel," katanya.

4.	TAJUK	PEMBENIHAN AWAN DI EMPAT NEGERI BERMULA 6 HINGGA 9 APRIL
	SUMBER	BH (2 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

# Pembenihan awan di empat negeri bermula 6 hingga 9 April

**Langkah proaktif atasi penurunan paras takungan air empangan**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan menyelaras dan melaksanakan empat siri Operasi Pembenhian Awan (OPA) di Perak, Kedah, Perlis dan Johor pada 6 hingga 9 April ini sebagai langkah proaktif menangani penurunan paras takungan air empangan akibat cuaca panas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata kerajaan memandang serius fenomena cuaca panas susulan peralihan monsun yang bermula 29 Mac lalu dan dijangka berterusan sehingga

Mei ini.

"Untuk itu, NADMA akan menyelaras dan melaksanakan empat siri Operasi Pembenhian Awan di Perak, Kedah, Perlis dan Johor pada 6 hingga 9 April ini.

"Tindakan segera ini adalah sebagai langkah proaktif bagi menangani keadaan kadar takungan air empangan di negeri itu yang semakin menurun akibat cuaca panas," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Operasi Pembenhian Awan akan memberi fokus kepada 11 lokasi empangan iaitu Empangan Timah Tasoh di Perlis; Empangan Ahning, Empangan Pedu dan Empangan Muda di Kedah; Empangan Temenggong dan Empangan Bukit Merah di Perak dan Empangan Lebam, Empangan Upper Layang, Empangan Lower Layang, Empangan Gunung Pulai dan Empangan Machap di Johor.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, NADMA bekerjasama dengan Tentera



Air di Empangan Timah Tasoh yang semakin merosot akibat cuaca panas.  
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi menyediakan pesawat C130 Hercules serta pasukan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) yang menyelaras aspek teknikal serta saintifik pembenhian awan.

"Sebagai Pengerusi Jawatan-

kuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), saya menyeru Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) memastikan Pusat Kawalan Bencana Negeri (SDCC) diaktifkan dan diperkasa.

"Ini bagi memastikan keputusan yang hendak diambil adalah

merujuk kepada maklumat teknikal dan berasaskan data," katanya.

**Salur maklumat kepada SDCC**

Katanya, semua agensi berkaitan perlu menyalurkan maklumat kepada SDCC untuk disusun dan direkodkan secara berpusat.

Pangkalan data berpusat itu membolehkan SDCC membuat analisa tindakan segera yang boleh diambil demi memastikan kelangsungan hidup rakyat sentiasa terpelihara.

"Dalam kita memperkukuh pendekatan teknikal ini, saya ingin menegaskan bahawa tindak balas kerajaan tidak boleh bersifat mekanikal semata-mata.

"Pendekatan kemanusiaan mesti menjadi teras utama. Kita perlu memastikan setiap intervensi benar-benar sampai kepada mereka yang paling terkenas khususnya golongan berpendapatan rendah, warga emas, petani kecil serta komuniti yang bergantung kepada sumber air tempatan," katanya.

5.	TAJUK	SUNGAI MARONG BERTUKAR HITAM, BERBUIH
	SUMBER	HARIAN METRO (3 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

# Sungai Marong bertukar hitam, berbuih



Sungai Marong di Jelebu tercemar dipercayai punca ikan mati.

**Pelbagai spesies ikan mati dipercayai akibat pencemaran**

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Jelebu:** Pelbagai spesies ikan mati dipercayai akibat pencemaran Sungai Marong berhampiran Kampung Lakai di sini.

Ketua Daerah Perikanan Jelebu, Mohd Azhar Jusoh, berkata

pihaknya menerima aduan berhubung kejadian itu daripada nelayan tempatan secara dalam talian memaklumkan pencemaran yang berlaku.

"Bertindak atas aduan, kami ke lokasi bersama pengadu sebelum mendapati maklumat itu adalah benar dan pemerhatian mendapati air sungai itu berwarna hitam dan berbuih.

"Selain itu, turut didapati ada ikan berada di permukaan dan ada yang sudah mati. Susulan itu, pegawai Cawangan Biosekuriti Jabatan Perikanan Negeri dipanggil hadir ke lokasi kejadian," tanya.

Mohd Azhar berkata, oksigen terlarut (DO) yang rendah dalam air sungai itu menyebabkan ikan lemas atau mati.

## Sampel air, ikan diambil

Jelasnya, ikan dikategori sebagai lemas boleh mati sekiranya keadaan air sungai tidak berubah, selain ketiadaan hujan.

"Sampel air sungai dan ikan diambil untuk dihantar ke Makmal Biosekuriti Perikanan KLIA bagi mengetahui punca sebenar kematian ikan.

"Satu laporan polis mengenai kejadian itu juga dibuat di Balai Polis Kuala Klawang," katanya.



6.	TAJUK	LANCAR OPERASI BANTERAS SISA E-WASTE
	SUMBER	HARIAN METRO (3 APRIL 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)



MATF diketuai PDRM akan menjalankan operasi besar-besaran bagi membanteras isu sisa elektronik.

## Lancar operasi banteras sisa e-waste

**Putrajaya:** Pasukan Petugas Khas Agensi-Agensi Penguatkuasaan Malaysia (MATF) diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan operasi besar-besaran bagi membanteras isu sisa elektronik (e-waste).

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merangkap Timbalan Pengerusi MATF, Tan Sri Azam Baki berkata, tindakan itu

bagi mengesan sisa e-waste yang berada di kilang-kilang seluruh negara.

"Jadi tindakan ini dibuat secara pasif untuk memastikan mana-mana tempat yang ada e-waste diambil tindakan secara impak," katanya ketika diminta mengulas berhubung isu itu.

"Tindakan yang berterusan

yang akan dibuat secara berskala besar adalah berhubung e-waste yang sudah berada dalam negara kita yang sudah keluar pada pelabuhan mungkin berada di kilang, di bengkel-bengkel dan sebagainya," katanya pada Sesi Libat Urus MATF.

Azam berkata, Pasukan Petugas

Khas dipengerusikan beliau akan terus menguatkuasakan undang-undang dan pemantauan terutama di Pelabuhan Klang.

Katanya, selain Pelabuhan Klang tumpuan turut diberikan kepada pelabuhan lain termasuk di Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Johor dan Pahang untuk terus dipantau mengenai kemungkinan besar kontena e-waste ini akan cuba menyusup masuk.

**Tindakan yang berterusan akan dibuat secara berskala besar**

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi  
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor**